



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Ahli PIDM

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Allianz Shield Plus?

Allianz Shield Plus menyediakan perlindungan dua puluh empat (24) jam seluruh dunia sekiranya berlaku kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan yang menyebabkan kematian dan hilang upaya kepada orang yang diinsuranskan, ataupun di mana orang yang diinsuranskan terpaksa menanggung kos perubatan dan perbelanjaan lain.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM670.00 setahun, anda akan menerima **perlindungan** yang berikut di bawah Pelan 6, sekiranya anda berumur 50 tahun dan ke bawah dan di bawah Kategori Pekerjaan A:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
- Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal (sehingga) : RM600,000 - Perbelanjaan Perubatan (sehingga) : RM8,500 - Pendapatan Hospital (sehari/maxima 180 hari) : RM185 - Bayaran Ambulans (sehingga) : RM500 - Perbelanjann Pengebumian (sekali gus) : RM5,000 - Perbelanjaan Mobiliti (sehingga) : RM2,000 - Perbelanjaan Repatriasi (sehingga) : RM20,000	- Peperangan, mogok, rusuhan atau kekacauan; - Membunuh diri atau cubaan membunuh diri; - Kuantiti alkohol yang melebihi had undang-undang; - Berada di bawah pengaruh dadah yang tidak sah; - Penyakit, jangkitan atau parasit; - Kelahiran, keguguran, atau komplikasi kehamilan, melainkan disebabkan akibat kemalangan.
Dengan membayar premium tambahan , anda boleh memperluaskan perlindungan dengan menambah Manfaat Pilihan berikut: - Manfaat Mingguan. - Tanggungan Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor. - Program Bantuan Perubatan dan Pemindahan Antarabangsa dan Domestik 24 Jam. - Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan.	
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/asp-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium:

Perlindungan Asas	RM670.00 setahun
Perlindungan Tambahan:	
Tanggungan Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor	RM180.00 setahun
Program Bantuan Perubatan dan Pemindahan Antarabangsa dan Domestik 24 Jam	RM1.20 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM851.20 .	

Di mana ini termasuk:	
Fi MCO	RM1.10
Komisen	25% daripada premium atau RM212.23
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM67.91
Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4

Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Polisi ini melindungi warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia, pemegang pas kerja, pemegang pas pelajar atau individu yang menetap secara sah di Malaysia, dan pasangan serta anak-anak yang menetap secara sah di Malaysia.
- Had umur terpakai: Dari tiga puluh (30) hari sehingga (a) tujuh belas (17) tahun bagi kanak-kanak atau dua puluh tiga (23) tahun jika dia masih pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan masih belum bekerja, atau (b) enam puluh lima (65) tahun bagi dewasa.
- Perlindungan orang yang diinsuranskan boleh diperbaharui sehingga umur lapan puluh (80) tahun.
- Pekerjaan Kategori A: Pekerjaan di mana tugas-tugas terhad kepada kerja pejabat atau melibatkan perjalanan yang terhad serta kurang daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar.
- Pekerjaan Kategori B: Pekerja mahir, separa mahir, penggunaan peralatan atau mesin dan terdedah kepada keadaan merbahaya serta lebih daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar.
- Terdapat pekerjaan-pekerjaan yang tidak dilindungi oleh Polisi ini. Sila rujuk kepada senarai bagi pekerjaan-pekerjaan yang dikecualikan di dalam brosur.
- Tunai Sebelum Perlindungan: Di mana Polisi ini dikeluarkan kepada Pemegang Polisi Individu – Premium mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini akan terbatal secara automatik dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Waranti Premium: Di mana Polisi ini dikeluarkan kepada badan korporat – Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi ini atau endorsemn yang dikeluarkan oleh Allianz yang menetapkan permulaan perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan.
- Semua tuntutan mesti diberikan secara bertulis kepada Allianz dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kemalangan/kerugian.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Anda boleh menamatkan polisi ini dengan memberikan notis penamatan kepada Kami dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh kami menerima notis atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana lebih lewat.
- Apabila anda menamatkan polisi ini, kadar tempoh pendek berikut hendaklah dikenakan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans yang wujud pada masa itu.

Tempoh Insurans (Tidak Melebihi)	Peratusan (%) Premium Tahunan yang dikenakan
Dua (2) bulan atau kurang	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Lebih daripada enam (6) bulan	100%

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).